



HUBUNGAN ETNIK



Bab 4 PEMBANGUNAN EKONOMI DALAM KONTEKS HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

MAHYUDDIN KHALID

emkay@salam.uitm.edu.my

PENGENALAN



| | |
|-----|-----------------|
| 5.1 | KANDUNGAN BAB 5 |
| 5.2 | |
| 5.3 | |
| 5.4 | |
| 5.5 | |
| 5.6 | |

Hasil Pembelajaran

- Menghuraikan konsep modenisasi
- Menjelaskan proses pembangunan ekonomi di Malaysia
- Menghuraikan rancangan pembangunan ekonomi negara terhadap masyarakat pelbagai etnik
- Memperihalkan peralihan ekonomi negara ke arah perindustrian sebagai asas pembentukan negara maju

HUBUNGAN ETNIK

{ 2 }

MODENISASI EKONOMI



Matlamat & Kepentingan

- Mewujudkan sebuah **masyarakat industri**.

Metod

- **Pembangunan teknologi**: Penerapan ilmu saintifik dan teknik-teknik canggih
- **Pembangunan pertanian**: Perubahan kepada pertanian komersial
- **Industrialisasi**: Penggunaan teknologi canggih dalam sektor pembuatan
- **Urbanisasi**: Proses perpindahan penduduk ke bandar dan perubahan gaya hidup bandar

Ukuran pencapaian

- Kadar pertumbuhan: ukuran **GNP (gross national product)/KDNK**.

SISTEM EKONOMI SEBELUM MERDEKA



Latar Belakang

- **Penjajahan British** merubah lanskap ekonomi Tanah Melayu dari pertanian sara diri kepada **ekonomi komersil**
- **Modal** tempatan dari **saudagar Negeri Selat** dan modal asing yang dibawa masuk British untuk sektor ekonomi yang sedang berkembang
- **Perkembangan ekonomi dunia** yang memerlukan kepada bahan mentah mempengaruhi ekonomi Tanah Melayu
- **Kedudukan Tanah Melayu** yang kaya dengan bahan mentah menarik minat kuasa besar untuk menjajah dan membuka lombong bijih timah dan ladang getah
- **Buruh** dibawa masuk dari **China dan India** untuk bekerja di sektor berkenaan
- Kemajuan **sistem pengangkutan dan perhubungan** serta kemudahan bekalan air dan eletrik kesan dari kemajuan ekonomi yang berlaku

SISTEM EKONOMI SEBELUM MERDEKA



Identifikasi Kaum Mengikut Penempatan dan Pekerjaan

- **Penjajah British** mementingkan jentera ekonomi bergerak cekap dan teratur.
- Oleh demikian **struktur** dan ekonomi sedia ada **dikekalkan** dan tidak diganggu.
- **Dasar Pecah dan Perintah** dari segi penempatan menyebabkan bukan Melayu dapat melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi manakala Melayu kekal di luar bandar

Ketidakseimbangan Ekonomi Antara Kaum

- **Dasar Pecah dan Perintah** menyebabkan orang Melayu terpisah dari ekonomi moden dan kekal menjalankan ekonomi tradisional
- **Kegiatan ekonomi moden** di pantai barat kerana terdapat kemudahan pengangkutan yang baik – ekonomi tradisional terpinggir.
- **Jurang Kemiskinan** antara kaum semakin meluas - masalah ketidakseimbangan ekonomi antara Melayu dan bukan Melayu
- **Halangan Sektor Ekonomi Tradisional** - tiada galakan dari penjajah serta kurang kemudahan asas menyebabkan sektor ini tidak berkembang maju, mengalami kelembapan, produktiviti serta kadar pendapatan yang rendah

EKONOMI MALAYSIA SELEPAS MERDEKA



Ekonomi Malaysia Selepas Merdeka

- Mempelbagaikan **asas ekonomi** dengan memperkenalkan komoditi seperti **kelapa sawit, koko, lada hitam, kayu balak** serta penumpuan kepada **eksport barang** seperti barang pembuatan, tekstil, dan getah
- Pada peringkat awal **pembangunan ekonomi** ditumpukan kepada **peningkatan infrastruktur ekonomi, pembangunan pertanian dan industri gantian-import**
- Pada akhir tahun 1960an, pembangunan ekonomi diasaskan kepada **pembangunan teknologi** dan peralihan dari industri gantian import kepada **industri berorientasikan eksport.**

EKONOMI MALAYSIA SELEPAS MERDEKA



- Menjelang 2000an, Malaysia mula memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi berteraskan **K-ekonomi**.
- Secara keseluruhan, pembangunan ekonomi di Malaysia telah mencapai kejayaan yang dapat diukur dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang baik iaitu sekitar 8%-9% terutama pada tahun 1980an dan 1990an.
- Ukuran pencapaian bagi pembangunan ekonomi di Malaysia tidak hanya diukur melalui **KDNK** tetapi juga dengan ukuran peningkatan **indeks kualiti hidup**. Kualiti hidup rakyat secara amnya adalah baik berdasarkan penurunan kadar kemiskinan dan kadar inflasi yang rendah.

EKONOMI MALAYSIA SELEPAS MERDEKA



Ekonomi Malaysia Selepas Merdeka


- **Dalam konteks ini, hubungan ekonomi dan etnisiti di Malaysia sememangnya berkait rapat.**
- Ini menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan yang menimbulkan rasa **cemburu antara kaum**.
- **Integrasi ekonomi** amat penting dan dilaksanakan melalui dasar-dasar pembangunan seperti Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Dasar Ekonomi Baru dll.
- Ini bagi memastikan pengasingan ekonomi yang wujud sejak zaman penjajahan dapat dimansuhkan dan pengagihan ekonomi yang tidak seimbang dapat dikurangkan dan dihapuskan.

petani peniaga

Diversiti penduduk Tanah Melayu zaman British

penoreh

[9]



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RANCANGAN MALAYA PERTAMA (1956-1960)


- Matlamat: Memulihkan perusahaan **getah** bagi meningkatkan **pendapatan** penduduk
- Tubuh **RIDA** untuk rancangan pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur masyarakat desa. (1966 ditukar kepada MARA)
- **LKTP** (1956) bagi membuka tanah baharu untuk tujuan **penempatan semula**, menambah hasil pertanian dan meningkatkan taraf hidup penduduk (1971 ditukar kepada FELDA)

RANCANGAN MALAYA KEDUA (1961-1965)

- Digubal oleh **pemerintah Tanah Melayu** sendiri
- Menyediakan **kemudahan asas** dan menggalakkan kepelbagaian ekonomi
- Bermatlamat mengurangkan perbezaan **taraf hidup**, mewujudkan peluang **pekerjaan** dan kemudahan **kesihatan, pelajaran dan perumahan**
- Penubuhan sistem **Bilik Gerakan** bagi menyelaraskan kegiatan ekonomi di kampung dan daerah



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RMK-1 (1966-1970)

- Pembangunan negara secara menyeluruh meliputi semua bidang ekonomi
- Bermatlamat:
 - **Mempelbagai** kegiatan ekonomi
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Meningkatkan **pendapatan dan penggunaan sumber**
 - Mempercepat integrasi
- Beri tumpuan kepada perindustrian **gantian-import** dan perusahaan pembuatan.
- Penubuhan **FELDA, FELCRA, MARDI, MIDA**.



RMK-2 (1971-1975)

- Bermatlamat antaranya:
 - mewujudkan peluang **pekerjaan** pelbagai sektor
 - mengurangkan jurang perbezaan pendapatan
 - meningkatkan daya pengeluaran
 - memperbaiki taraf hidup
- Ketika ini terdapat peralihan dari industri gantian-import kepada industri **berorientasikan eksport**.
- Penubuhan **DEB, KEJORA, DARA, PERNAS, UDA, RISDA, LPP**



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RMK-3 (1976-80)

- Memperkenalkan rancangan **pembangunan wilayah** dengan penumpuan kepada penanaman kelapa sawit dan getah
- Meneruskan usaha pembangunan pertanian dan perindustrian
- Penubuhan **KETENGAH, KESEDAR**

RMK-4 (1981-1985)

RMK-5 (1986-1990)

- Memperkemaskan program pembangunan ekonomi
- Penekanan kepada pertanian, perindustrian serta **sektor industri berat**
- Rancangan pembangunan yang menitikberatkan industri **berasaskan teknologi** yang lebih maju dan dasar **penswastaan** serta pembukaan kawasan perusahaan baharu
- 1979, **PNB** ditubuhkan untuk uruskan pelaburan Skim Amanah Saham Nasional (yang diperkenalkan 1981).



RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RMK-6 (1991-1995)

RMK-7 (1996-2000)

- Strategi bermatlamat:
 - Meningkatkan kecekapan, daya saing serta menggalakkan penglibatan swasta
 - Mengurangkan penyertaan langsung sektor awam
 - Mengekal dasar liberisasi & pelonggaran peraturan
 - Menggalakkan perindustrian menggunakan teknologi canggih
 - Mengukuhkan pasaran kewangan dan modal
 - Pengenalan Dasar Pembangunan Nasional lanjutan kepada DEB



RMK-8 (2001-2005)

RMK-9 (2006-2010)

- Strategi utama:
 - Pengurusan ekonomi makro yang mantap
 - Meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi
 - Meluaskan penggunaan ICT
 - Memupuk dan menyemai nilai positif dan nilai murni
 - Meningkatkan daya pengeluaran dan tahap pengetahuan
 - Membangun sumber manusia berkemahiran & berpengetahuan
 - Menekankan pembangunan ekonomi, sosial, modal insan dan projek-projek pertanian
 - Pengenalan Dasar Wawasan Negara

RANCANGAN PEMBANGUNAN 5 TAHUN



RMK-10

- Bertemakan "**Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial**".
- RMK-10 memperuntukkan sejumlah RM290 bilion, yang dibahagikan sektor ekonomi, sektor sosial, sektor keselamatan dan pentadbiran am.
- RMK10 meneruskan **kesinambungan agenda nasional** ke arah merealisasikan Wawasan 2020 menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

5 TERAS STRATEGIK RMK-10:

- Mentransformasikan Malaysia dengan metodologi **NKRA**.
- Persekitaran **konduusif bagi menggerakkan ekonomi**.
- Pembangunan **sosioekonomi** secara inklusif.
- Membangun **modal insan** bertaraf dunia.
- Persekitaran kondusif ke arah **mempertingkatkan kualiti hidup**.

DASAR EKONOMI BARU (DEB)



DASAR AWAM PERTANIAN



HUBUNGAN ETNIK





Meskipun pembangunan ekonomi sudah berubah kepada perindustrian pada 1960an dan 1970an, tetapi tumpuan kepada sektor pertanian masih diutamakan.

Sesuai dengan dasar pembangunan pertanian, beberapa badan yang bertanggung jawab untuk memajukan sektor pertanian dan menghapuskan kemiskinan luar bandar telah diwujudkan seperti FELDA, FELCRA dan MARA.

Melalui RMK-9, kerajaan juga mengenalpasti dan mengusahakan hasil sumber pertumbuhan baharu dalam sektor pertanian dan industri asas tani.

[19]

INSTITUSI-INSTITUSI BERASASKAN PERTANIAN



HUBUNGAN ETNIK

- Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian M'sia
- Penyelidikan baka dan benih pokok

MARDI



- Mengeluarkan benih & penentuan jenis tanah, pembangunan teknologi baru

Jabatan Pertanian



- Mengadakan kemudahan perolehi bahan-bahan baja, racun, jentera kenderaan, mesin memproses dll

Lembaga Pertubuhan Peladang



- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
- Mengendalikan pemasaran hasil-hasil yang dikeluarkan

FAMA



- Bank Pertanian
- Mengendalikan kemudahan kredit untuk rancangan projek pertanian

Agrobank



- Memberi nasihat dan tunjuk ajar ternakan dan perikanan

Jabatan Perikanan & Haiwan



[20]

Dasar Awam Perindustrian



Era 1980an dan 1990an, sektor perindustrian lebih diberi perhatian dan beberapa dasar telah digubal seperti **Dasar Pandang Ke Timur dan Dasar Penswastaaan.**



Kerajaan juga memperkenalkan **Pelan Induk Perindustrian (PIP)** yang menjadi dasar penting dalam sektor perindustrian perkilangan.



PIP digubal selaras dengan tumpuan kerajaan kepada industri berat negara pada awal 1980-an.



HUBUNGAN ETNIK

21

DASAR INDUSTRI BERAT NEGARA

- Fokus untuk mengurangkan pergantungan Malaysia kepada negara luar dari segi bekalan alat jentera bagi memenuhi keperluan tempatan.
- Secara tidak langsung dapat mewujudkan industri sokongan seperti IKS dalam proses perindustrian.
- Meningkatkan peranan swasta dalam pembangunan negara.
- Organisasi khusus ditubuhkan untuk memikul tanggungjawab ini, iaitu Perbadanan Industri Berat Malaysia Berhad (HICOM) pada 1980.
- Antara projek penting HICOM ialah:
 - PROTON
 - Kedah Cement dan Perak-Hanjoong Cement yang mengeluarkan dan membekalkan simen.
 - PERWAJA



HUBUNGAN ETNIK

22

INDUSTRI AUTOMOBIL NASIONAL



Melalui **Dasar Industri Berat Negara**

Selaras dengan **Dasar Pandang Ke Timur**

Selaras dengan **Dasar Penswastaan**

Industri automobil nasional dijadikan **wadah penglibatan orang Melayu** dalam industri automobil dan pengedaran automobil.

Penubuhan Proton



Ditubuhkan pada Mei 1983 dengan modal berbayar **RM150j**



Usahasama dengan **Mitsubishi Motor Corporation (MMC)** Jepun



Pemindahan **teknologi dan kepakaran** serta penglibatan orang Melayu.

DASAR PENSWASTAAN



5 alasan dasar ini diperkenalkan:

- Mengurangkan **beban kewangan & pentadbiran** kerajaan.
- Meningkatkan **persaingan**, perbaiki **kecekapan** dan menambah **produktiviti**.
- Merangsang **pelaburan** dan keusahawanan persendirian.
- Mengurangkan bilangan dan saiz **sektor awam**.
- Membantu mencapai matlamat **DEB**

Pelaksanaan Dasar Penswastaan:

- Diperkenalkan pada 1983 **selepas Dasar Persyarikatan Malaysia** diperkenalkan
- Kerajaan memindahkan **kuasa, kepentingan, perkhidmatan, pelaburan dan perusahaan** kepada pihak swasta
- **Bumiputera** lebih berpeluang untuk terlibat dalam sektor perindustrian
- Kerajaan menubuhkan jawatankuasa di Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi menyediakan garis panduan penswastaan

Antara institusi yang diswastakan:

- TM, TNB, KTM, BERNAS, MAS, PLUS, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC), Terminal Kontena Pelabuhan Klang

PERTUMBUHAN DAN AGIHAN



Isu ekonomi berkait rapat dengan isu sosial dan agihan kekayaan:

- Pertumbuhan dan **pembangunan yang tidak seimbang**:
 - Antara pantai barat & pantai timur
 - Antara bandar dan desa
- Agihan **kekayaan tidak seimbang** antara kelas sosial dan kelompok etnik



Di Malaysia, isu agihan pendapatan ini dapat di lihat dari dua sudut:

- Antara **kelas sosial** yang berbeza iaitu antara kelas atas, menengah dan kelas bawah.
- Antara **kelompok etnik** yang berbeza iaitu antara Melayu, Cina dan India.

PEGANGAN EKUITI



DEB mensasarkan ekuiti bumiputera, bukan bumiputera dan asing pada nisbah **30: 40: 30**.

Penguatan aset bumiputera dibuat melalui melalui **pelaburan institusi** seperti MARA, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), PNB dan lain agensi



Ia bagi memastikan pemilikan kekayaan hartanah dan aset perniagaan seperti ruang niaga, harta bertanah, bangunan komersial, harta intelek dan perkhidmatan oleh bumiputera.

KEMISKINAN



Kadar kemiskinan paling tinggi dalam kalangan orang Melayu yang tertumpu kepada aktiviti pertanian tradisional.

Mengikut Banci Perbelanjaan Isi Rumah (2004-2005) secara purata sesebuah isi rumah di bandar memerlukan RM2,503 sebulan manakala angka untuk Luar Bandar adalah RM1,209.

Usaha membasmi kemiskinan:

- Mewujudkan **peluang pekerjaan** untuk yang menganggur
- Menambah daya **pengeluaran dan pendapatan**
- Memberikan peluang **peningkatan kerjaya** bagi pekerja sektor rendah daya pengeluaran kepada sektor yang lebih lumayan
- Mengurangkan **jurang pendapatan** antara kelompok etnik, bandar dan luar bandar dan antara wilayah
- Memodenkan kehidupan di **luar bandar**
- Memperbaiki **taraf dan kualiti hidup** rakyat melalui pelajaran, latihan, kesihatan, kemudahan infrastruktur dan lain-lain

KESAMARATAAN DAN HAK KEISTIMEWAAN



Perkara 8(1) PP

- Semua orang adalah **sama rata di sisi undang-undang** dan berhak mendapat perlindungan sama rata di sisi undang-undang

Isu

- Digunakan oleh sesetengah pihak untuk berhujah bahawa keadilan dan kesamarataan harus diperjuangkan dan dicapai di Malaysia.
- Mereka menuntut Perkara 153 PP yang berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera perlu ditinjau semula.

Penerangan

- Isu tersebut seharusnya tidak muncul sekiranya mereka faham tentang sejarah Malaysia dan apa yang dinyatakan dalam Perkara 8(2) PP iaitu: "Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pekerjaan"

PEMBANGUNAN KORIDOR MALAYSIA



**ISKANDAR
MALAYSIA**

Iskandar Malaysia



**KORIDOR
UTARA**

Pembangunan Koridor
Utara (NCER)



**EAST
COAST**

Pembangunan Koridor
Timur (ECER)



**SABAH
DEVELOPMENT CORRIDOR**

Pembangunan Koridor
Sabah



**SARAWAK
SCORE**
CORRIDOR OF RENEWABLE ENERGY

Pembangunan Koridor
Sarawak

ONOMI SEMASA

HUBUNGAN ETNIK

{ 29 }

PEMBANGUNAN EKONOMI MENURUT ISLAM

Ekonomi Islam

- Suatu ilmu **sains kemasyarakatan** yang mengkaji tingkah laku manusia dalam **mengurus sumber alam untuk kepentingan diri** dan masyarakat bagi mencapai **keredhaan Allah**

Objektif Ekonomi Islam

- **Kesejahteraan ekonomi** masyarakat dan memenuhi keperluan hidup.
- **Pengagihan pendapatan** yang adil dan saksama
- Persaudaraan dan **keadilan sejagat**

HUBUNGAN ETNIK

{ 30 }

PEMBANGUNAN EKONOMI MENURUT ISLAM



Prinsip Asas Pembangunan Ekonomi Menurut Islam:

- Kebebasan Individu
- Hak Memiliki Harta
- Ketidaksamaan Ekonomi Terkawal Lazim
- Keadilan & Kesaksamaan Sosial
- Jaminan Sosial
- Edaran Kekayaan yang meluas

- Perkembangan ekonomi Islam di Malaysia bermula dengan penubuhan Tabung Haji pada 1969 dan pengenalan Akta Bank Islam 1983 yang membawa kepada penubuhan Bank Islam yang pertama.



PEMBANGUNAN EKONOMI MENURUT ISLAM



Sistem Perbankan Islam

- Bermula dengan pengenalan **Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)** di bank konvensional.
- Menawarkan **produk-produk perbankan yang berlandaskan prinsip Islam** dan disambut baik oleh orang Islam dan bukan Islam.
- Menarik minat syarikat perbankan tempatan dan antarabangsa dengan penubuhan bank-bank Islam yang baru.
- Hingga kini terdapat hampir 21 bank Islam yang beroperasi di Malaysia.

Sistem Jaminan Islam

- Jaminan sosial beraskan prinsip jaminan (**al-kafalah**) serta mengharamkan unsur ketidaktentuan (**gharar**), perjudian (**maysir**) dan **riba**
- Takaful bukan bermatlamat mendapatkan keuntungan tetapi **saling menjamin** antara satu sama lain.
- Mempertingkatkan **pelaburan Islam**
- Hingga kini terdapat hampir 9 syarikat takaful yang beroperasi di Malaysia.

PENGUKUHAN

- Terangkan EMPAT (4) agenda kerajaan dalam memperkukuhkan ekonomi orang Melayu
- Bincangkan TIGA (3) kesan penjajahan dari sudut ekonomi.
- Huraikan TIGA (3) kepentingan hubungan etnik dalam menjana ekonomi negara.
- Jelaskan EMPAT (4) strategi merapatkan jurang ekonomi antara etnik di Malaysia.
- Jelaskan TIGA (3) bentuk projek modenisasi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha mencapai status "negara maju" pada tahun 2020.
- Huraikan TIGA (3) peranan utama yang telah dimainkan oleh institusi-institusi Islam dalam aspek pembangunan ekonomi Malaysia.
- Bincangkan EMPAT (4) hambatan yang boleh menjejaskan usaha kerajaan membangunkan ekonomi negara sebagaimana yang digariskan dalam DEB dan DPN.



PENGUKUHAN

- Jelaskan TIGA (3) ciri insan cemerlang dalam konteks pembangunan modal insan.
- Huraikan TIGA (3) cabaran pembangunan modal insan dalam masyarakat Malaysia.
- Bincangkan EMPAT (4) strategi pembangunan modal insan berkualiti dan berintegriti.
- Jelaskan TIGA (3) impak pengagihan aktiviti ekonomi oleh penjajah Inggeris kepada etnik utama di Tanah Melayu.
- Kemukakan EMPAT (4) ulasan anda terhadap usaha kerajaan memperkukuhkan ekonomi orang Melayu dengan mengambilkira saingan dalaman dan global.
- Bincangkan TIGA (3) cadangan berkesan ke arah mendirikan masyarakat Melayu Muslim berorientasikan perdagangan.

